

PEKELILING K.P.U.NO. 1/1978
Pengukuran Lot-lot oleh Juruukur Berlesen Sebelum mendapatkan Nombor-nombor Lot daripada Jabatan Ukur

Seperi tuan sedia maklum, pada masa sekarang Jabatan ini tiada halangan bagi Juruukur Berlesen menjalankan kerja-kerja sebelum mendapatkan nombor-nombor lot daripada Jabatan Ukur. Perkara ini telah dikaji semula dengan telitinya dan diputuskan bahawa Juruukur Berlesen hanya boleh menjalankan pengukuran tersebut sekiranya syarat-syarat seperti berikut dipatuhi:-

- (a) Pelan susunan (layout plan) hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh pihak berkuasa perancang.
- (b) Juruukur Berlesen akan membuktikan bahawa pelan susunan itu telah dikemukakan kepada pihak berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan.
- (c) Bayaran ukur sepenuhnya hendak didepositkan dengan Lembaga Juruukur Tanah Berlesen.
- (d) Juruukur Berlesen akan sanggup mencabutkan tanda-tanda sempadan yang telah ditanam sekiranya ukuran itu dibatalkan atau dipindahkan.
- (e) Bagi setiap masa enam bulan Juruukur Berlesen dikehendaki memberi maklumat kepada Pengarah Ukur samada kelulusan telah didapati atau tidak dari pihak berkuasa Kerajaan Negeri.

Pekeliling K.P.U. Bil.7 Tahun 1977 dibatalkan.

DATO'PAUL FOO
Ketua Pengarah Ukur,
Semenanjung Malaysia.